

Working Paper in Islamic Economics and Finance No. 1217

Analisis Petunjuk Kestabilan Bank-bank Islam Melalui Nilai-nilai Etika

Siti Aisyah Hashim
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail : aisyah.h88@gmail.com

Shahida Shahimi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail : shahida@ukm.my

Abdul Ghafar Ismail
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail : agibab@ukm.my

ABSTRAK

Perbankan Islam dilihat terus kukuh dari semasa ke semasa di mana pada akhir Julai 2010, aset perbankan Islam mencatatkan peningkatan 20.8% kepada RM337.6 bilion. Secara tidak langsung ini menunjukkan institusi perbankan Islam terus berprestasi baik dan diharap dapat bersaing dengan institusi perbankan konvensional. Namun begitu, bagaimanakah kestabilan perbankan Islam? Ukuran kestabilan yang diaplikasi sekarang masih terikut dengan pandangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB). Tambahan pula, ukuran tersebut tidak mengambil kira nilai etika bank. Sehubungan itu, timbul persoalan adakah nilai etika dikira sebagai petunjuk kestabilan? Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis kestabilan perbankan Islam di Malaysia berdasarkan kepada petunjuk kestabilan bank serta nilai-nilai etika bagi setiap bank. Ia juga bertujuan untuk melihat kesan nilai-nilai etika terhadap prestasi dan kestabilan bank. Justeru itu, kajian ini menggunakan data-data petunjuk kestabilan kewangan dan nilai-nilai etika dalam institusi perbankan bagi menganalisis kestabilan perbankan Islam di Malaysia. Sebanyak 17 buah bank Islam akan dikaji dan masa yang diambil kira dalam kajian adalah tiga tahun iaitu tahun 2006, 2008 dan 2010. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa buah bank Islam yang dilihat stabil dan sebahagiannya

lagi kurang stabil dari segi modal yang digunakan, kecukupan modal bank, kapasiti modal dalam menampung pembiayaan tidak berbayar, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti setiap bank. Dari sudut etika, hanya Bank Islam Malaysia Berhad yang dilihat mencapai kestabilan dalam pembayaran zakat kerana bagi ketiga-tiga tahun ia menunjukkan prestasi yang tinggi. Manakala perbankan Islam yang lain berada di tahap sederhana dan rendah. Untuk pembiayaan berdasarkan qard hasan, hanya tujuh buah bank yang menawarkan instrumen berkenaan kepada pelanggan dan Asian Finance dilihat paling tinggi menawarkan instrumen ini berbanding perbankan Islam yang lain.

Kata Kunci : kestabilan kewangan, perbankan Islam, nilai etika.

PENGENALAN

Dalam Islam, nilai etika merupakan suatu yang amat penting bagi memandu sesebuah organisasi bergerak ke hadapan kerana ia mengandungi perkara-perkara yg baik yang boleh mendapat kepercayaan orang ramai. Menurut Kamus Dewan, nilai etika dapat diertikan sebagai prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai prinsip moral yang membezakan perkara yang betul dan salah serta memberitahu bagaimana untuk bertindak secara normal mengikut keadaan (Anas, E., et.al. 2009).

Dengan berlandaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah, masyarakat Islam memperolehi sistem etika yang sangat lengkap (Rice, G. 1999) dan boleh digunakan dalam seluruh kehidupannya kerana kedua-duanya berasaskan kepada konsep kesejahteraan hidup dari sudut keperluan kebendaan dan rohani. Oleh yang demikian, nilai etika dalam institusi perbankan Islam juga amat penting untuk memenuhi kedua-dua tuntutan tersebut kerana kepentingannya kepada masyarakat Islam sangat besar di samping dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Institusi perbankan Islam merupakan salah sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan berteraskan Islam; di mana setiap organisasi memainkan peranan masing-masing bagi meningkatkan prestasi bank. Ini kerana perbankan Islam merupakan salah sebuah institusi yang penting pada masa kini bagi membolehkan orang ramai terutamanya orang Islam mendapatkan kemudahan kewangan secara halal. Selain melihat kepada prestasi perbankan Islam, kestabilannya juga perlu diambil kira bagi memastikan bank terus kukuh dalam menjalankan aktiviti perniagaannya.

Seperti yang diketahui, ukuran kestabilan yang diaplifikasi sekarang masih terikut dengan pandangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB). Tambahan pula, ukuran tersebut tidak mengambil kira nilai etika bank. Timbul beberapa persoalan seperti: adakah kestabilan bank diukur dari sudut nilai etika? Adakah nilai etika dikira sebagai petunjuk kestabilan? Oleh yang demikian, kajian ini perlu dibuat bagi melihat kestabilan perbankan Islam berdasarkan kepada nilai etika. Ini kerana, nilai etika adalah sangat penting dalam sesebuah entiti perniagaan untuk menjalankan operasi perniagaannya.

Sistem etika dan nilai-nilai yang meliputi semua aspek kehidupan seperti individu, politik, ekonomi, sosial dan intelektual merupakan sistem yang terdapat dalam Islam yang dikenali sebagai Syariah.¹ Antara nilai-nilai Islam yang ditekankan dalam sesebuah organisasi Islam adalah kesatuan (tauhid), keadilan (adalah) dan amanah (khilafah).² Umumnya, nilai etika yang diterapkan dalam sesebuah organisasi adalah taat setia, amanah, bertanggungjawab, ikhlas, berdedikasi dan berdisiplin.

Oleh itu, aktiviti perniagaan yang ditunjukkan oleh perbankan Islam melalui laporan tahunannya akan dikaji untuk melihat pengaplikasian nilai-nilai etika tersebut dalam bank masing-masing. Secara khususnya, kajian ini akan menganalisis kestabilan 17 buah bank Islam di Malaysia melalui petunjuk kestabilan kewangan (FSIs) dan nilai-nilai etika yang ditunjukkan melalui laporan tahunannya.

Kajian ini meliputi lima bahagian di mana bahagian kedua menerangkan indikator kestabilan kewangan dan konsep nilai etika dalam Islam. Bahagian ketiga akan menerangkan tentang metodologi kajian. Bahagian keempat menerangkan hasil kajian dan kesimpulan kajian akan diletakkan di akhir bahagian.

PETUNJUK KESTABILAN KEWANGAN DAN NILAI ETIKA

Kepelbagai institusi kewangan dalam sesebuah negara adalah bertujuan untuk menyokong perkembangan makroekonomi negara tersebut. Seperti Malaysia, pelbagai institusi kewangan ditubuhkan bagi meningkatkan proses pertumbuhan ekonomi dan melicinkan perjalanan kitaran ekonomi negara. Terdapat tiga kumpulan institusi kewangan yang dikategorikan oleh Statistik Kewangan Antarabangsa (*International Financial Statistic, IFS*) iaitu; kumpulan pertama terdiri daripada bank pusat dan institusi-institusi lain yang menjalankan fungsi sebagai pihak berkuasa kewangan, kumpulan kedua adalah wang deposit bank yang terdiri daripada semua institusi kewangan yang mempunyai liabiliti dalam bentuk deposit dipindahkan melalui cek atau dengan cara lain boleh digunakan dalam membuat pembayaran. Bagi kumpulan ketiga iaitu institusi kewangan lain terdiri daripada bank lain seperti institusi kewangan bank dan institusi kewangan bukan bank (Beck, Demirguc-Kunt and Levine, 1999). Hubungan tingkat pembangunan kewangan yang tinggi adalah sangat signifikan dan kukuh hubungannya dengan kadar pertumbuhan ekonomi semasa dan akan datang yang lebih pantas, pengumpulan modal fizikal dan peningkatan kecekapan ekonomi.³ Apabila berlaku kejutan dalam ekonomi atau krisis ekonomi melanda, institusi kewangan yang berupaya menyerap kejutan yang berlaku mencerminkan kecekapan dan kestabilannya.

Adakah boleh dikatakan ekonomi sesebuah negara itu maju tetapi rakyatnya tidak sihat? Semestinya ekonomi negara yang maju disokong oleh kesihatan penduduknya yang sihat dan boleh bekerja serta memberikan sumbangan dalam

¹ Dusuki, A. W. and Abdullah, N. I. (2007), Maqasid al-Shari'ah, Maslahah, and Corporate Social Responsibility, *The American Journal of Islamic Social Sciences* 24:1, pp. 25-45.

² Rose, G. (1999), Islamic Ethics and The Implications for Business, *Journal of Business Ethics* 18, pp. 345-358.

³ King, R. G. and Levine, R. (1993), 'Finance and Growth: Schumpeter might be "right",' *Quarterly Journal of Economics* 108, pp. 717- 737 dalam Arestis, P. and Demetriades, P. (1997), Financial Development and Economic Growth: Assessing The Evidence, *The Economic Journal*, 107, pp. 783-799.

sektor ekonomi negara. Bagaimana pula dengan bank? Adakah sesebuah bank dianggap stabil apabila ia mempunyai jumlah aset yang tinggi atau memberi pulangan yang tinggi kepada pendeposit dan pemegang saham atau sebagainya? Seseorang individu pasti akan meletakkan atau melaburkan wangnya dalam institusi kewangan yang mempunyai kestabilan yang tinggi. Kestabilan sesebuah bank amat penting kerana ia mencerminkan perjalanan bank untuk terus bertahan dalam industri perbankan. Seperti bank konvensional, bank Islam merupakan sebuah pertubuhan atau firma yang menjalankan urusniaga kewangan dengan orang ramai namun ia berlandaskan syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh. Menurut Al-Najjar, perbankan Islam adalah sebuah pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya berasaskan syariah dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana tersebut mengikut landasan Islam (Ab. Ghani, 1999).

Pelbagai teori ekonomi telah dibina oleh para penyelidik terdahulu bagi menerangkan kestabilan dalam pasaran kewangan. Menurut Davis (1999), teori-teori tersebut muncul berdasarkan kepada krisis-krisis ekonomi yang berlaku seperti teori yang dikemukakan oleh Irving Fisher (1933), Kindleberger (1978) dan Minsky (1977) (Wolfson, 2002) yang melihat kepada hutang dan kerapuhan kewangan. Terdapat juga teori kestabilan berdasarkan kepada faktor ‘bank run’ seperti kajian Diamond dan Dybvig (1983), teori ‘credit rationing’ oleh Guttentag dan Herring (1984), dan juga berdasarkan kepada faktor maklumat asimetri dan kos agensi yang dibina oleh Mishkin (1991). Oleh yang demikian, kestabilan kewangan dapat diukur berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk yang dinyatakan melalui teori-teori yang dikemukakan. Gonzalez-Hermosillo (1999) menyatakan bahawa petunjuk asas diperlukan bagi menyediakan amaran awal krisis yang berlaku khususnya dalam konteks semasa globalisasi kewangan bertujuan untuk mengatasi kejutan dalam ekonomi dan mengurangkan kesan krisis ekonomi dalam negara. Beberapa perubahan terhadap petunjuk kestabilan kewangan telah berlaku seiring dengan perkembangan ekonomi disebabkan terdapat beberapa keterbatasan penggunaannya dalam menganalisis petunjuk kewangan.

Menurut Ismail, A. G. dan Zaidi, M. A. S. (2002), penilaian tingkat kestabilan bank mula dipantau oleh bank pusat sejak tahun 1970-an lagi di mana beberapa bentuk ujian tekanan (*stress test*) diperkenalkan. Kaedah sistem pengawasan utama yang diperkenalkan pertengahan 1980-an adalah dikenali sebagai sistem penilaian CAMEL yang dibangunkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Persekutuan Negara Bersatu (FDIC). CAMEL merujuk kepada komponen yang dinilai oleh sistem iaitu modal (*capital*), kualiti aset (*asset quality*), pengurusan (*management*), pendapatan (*earning*) dan kecairan (*liquidity*). Pada tahun 1997, penilaian tersebut telah menjadi CAMELS di mana ia turut mengambil kira penilaian sensitiviti pasaran (Nuxoll, O’Keefe dan Samolyk, 2003). Namun, berdasarkan kajian Demirguc-Kunt dan Detragiache (1999) terdapat beberapa kelemahan dalam model ini yang mana model CAMELS tidak dapat mengukur kekuatan bank berdasarkan kepada petunjuk nisbah deposit kepada M2, dan indeks saham aggregat. Kajian menyeluruh daripada Kaminsky, Lizondo dan Reinhart (1998) juga menyimpulkan bahawa petunjuk ini kurang mampu untuk menerangkan krisis mata wang daripada ketidakselarasan kadar pertukaran (Evans, Leone, Gill dan Hilbers, 2000).

Krisis kewangan yang berlaku sekitar tahun pertengahan 1990-an di negara-negara membangun dan sedang membangun di Asia dan Amerika Latin telah menyebabkan kegagalan bank untuk berfungsi, banyak syarikat mengalami kerugian,

kehilangan pekerjaan, bebanan fiskal yang meningkat dan sebagainya. Krisis yang berlaku mencerminkan kelemahan dan ketidakstabilan sistem kewangan negara dan antarabangsa. Menurut Huang, H. dan Wajid, S. K. (2002), kestabilan dapat dicapai jika keperluan sistem kewangan yang mendalam, meluas dan berdaya tahan dapat dipenuhi iaitu dengan mengenalpasti kelemahan yang menyebabkan sistem mereka mudah terdedah kepada kejutan. Bagi membantu negara-negara tersebut menguatkan sistem kewangan mereka, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan kerjasama Bank Dunia telah melancarkan Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Program, FSAP) pada tahun 1999 bersama dengan laporan Penilaian Kestabilan Sistem Kewangan (*Financial System Stability Assessment*, FSSAs) (Evans, Leone, Gill dan Hilbers, 2000). FSAP merupakan penilaian terhadap kepentingan pelbagai institusi kewangan dalam sistem, kepekaan sistem kewangan terhadap kejutan, dan petunjuk kestabilan kewangan seperti nisbah kecukupan modal, sejauh mana pinjaman tidak berbayar dalam portfolio bank dan aliran pendapatan. Berdasarkan pelaksanaan ini, didapati FSAP membantu dalam mengenalpasti kunci kelemahan sektor kewangan, isu-isu dan keperluan pembangunan.

Seiring dengan pelaksanaan FSAP, Evans, O., Leone, A. M., Gill, M. dan Hilbers, P. (2000) telah menjalankan kajian terhadap petunjuk *macroprudential*⁴ (MPIs) yang telah digalakkan oleh Kumpulan ke-7 (G-7) dan Jawatankuasa Interim IMF pada mesyuarat perundingan yang dijalankan oleh IMF⁵ bagi mengukur dan menganalisis kestabilan kewangan (Sundararajan, et. al., 2002, Virolainen, 2001, Bhattacharyay dan Nerb, 2002). Kajian ini bertujuan untuk mengetahui MPIs dengan lebih mendalam dengan matlamat untuk menyediakan rujukan kepada pihak berkuasa negara, sektor swasta dan juga pengguna-pengguna MPIs yang lain. MPIs digunakan untuk memantau kecukuhanaan sistem kewangan di mana ia terbahagi kepada tiga iaitu petunjuk *microprudential* aggregat dan petunjuk pembangunan makroekonomi atau kejutan luar yang memberi kesan kepada sistem kewangan dan petunjuk berasaskan pasaran (Bhattacharyay, 2003). Terdapat kesukaran dalam mengenalpasti MPIs untuk digunakan dalam kerja-kerja pengawasan iaitu ketiadaan set teras petunjuk. Ini disebabkan petunjuk yang berlainan boleh digunakan pada masa yang berbeza. Dalam MPIs, analisis CAMEL turut digunakan kerana kategori CAMELS sangat membantu dalam menganalisis bahagian-bahagian yang terdapat kelemahan; dengan memasukkan petunjuk makroekonomi.

Walaupun susunan MPIs yang luas boleh memberikan penilaian komprehensif mengenai sistem kewangan, namun proses mengumpul dan mentafsir petunjuk sering kali memakan masa yang agak panjang dan membosankan (Bhattacharyay, 2003). Selain itu, MPIs terhad dalam membuat perbandingan antara negara kerana pentafsiran terhadap MPIs di setiap negara adalah tidak sama. Pada masa yang sama, setiap negara mempunyai rangkakerja, piawaian dan pengawalan yang tersendiri (Bhattacharyay, 2001). Oleh yang demikian, IMF (2006) telah mengecilkan penetapan MPIs di mana ia lebih berguna dan sesuai untuk membuat pemantauan berkala yang dikenali sebagai Petunjuk Kestabilan Kewangan (*Financial Soundness Indicator*,

⁴ Terma *macroprudential* mula digunakan pada tahun 1979 ketika mesyuarat Jawatankuasa Cooke (pelopor terkini Pengawalseliaan Perbankan Jawatankuasa Basel, BCBS) yang membincangkan potensi kutipan data terhadap perubahan tempoh matang dalam pinjaman bank antarabangsa. Bermula tahun 1980an, penggunaan *macroprudential* merujuk kepada inovasi kewangan yang dikaitkan dengan makroekonomi dan kestabilan sistem kewangan seperti penggunaan petunjuk *macroprudential* yang digunakan oleh IMF bagi menilai kelemahan sistem kewangan. Bagi maklumat lanjut, sila lihat Clement (2010).

⁵ Sila lihat Hilber, Krueger dan Moretti (1999) untuk lebih lanjut.

FSIs). Inisiatif ini telah menyebabkan penciptaan Panduan Penyusunan kepada Petunjuk Kestabilan Kewangan yang telah dibincangkan secara terperinci dalam tahun 2002 dan 2003, dan terakhir ia diterbitkan pada tahun 2006 (Gersl and Hermanek, 2007). FSIs adalah petunjuk yang dikumpulkan untuk memantau kekuahan dan kestabilan institusi kewangan dan pasaran. Dua set petunjuk yang berguna bagi tujuan pemantauan berkala dan untuk usaha pengumpulan dan penyaluran oleh pihak berkuasa negara turut dinyatakan (Sundararajan, et. al 2002). Dua set petunjuk tersebut adalah set teras (*core set*) dan set galakan (*encourage set*).⁶ *Core set* termasuk petunjuk untuk sektor perbankan yang harus mempunyai keutamaan dalam pengumpulan dan pemantauan FSIs pada masa hadapan, manakala *encourage set* terdiri daripada petunjuk tambahan perbankan seperti data yang institusi lain dan pasaran yang sesuai dalam menilai kestabilan kewangan. Petunjuk kestabilan kewangan ini telah digunakan sehingga ke hari ini untuk menilai kekuatan dan kelemahan sistem kewangan negara.

Kestabilan sesebuah institusi kewangan amat penting kerana ia merupakan kunci utama kekuatan prestasi makroekonomi dan dasar kewangan yang efektif di peringkat nasional (Sundararajan et.al., 2002). Menurut IMF (2012), sistem kewangan negara yang meliputi bank negara, pasaran sekuriti, dana pencer, insurans, struktur pasaran, bank pusat dan pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan, menyediakan rangkakera bagi menjalankan transaksi ekonomi dan dasar kewangan serta cekap membantu menyalurkan simpanan dalam pelaburan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi. Namun, daripada petunjuk kestabilan kewangan yang dilancarkan oleh IMF, nilai-nilai etika tidak diambil kira dan tidak dijadikan sebagai petunjuk kestabilan sedangkan nilai etika amat dititikberatkan dalam semua aspek kehidupan. Malah, etika dalam institusi kewangan berkemungkinan boleh memberikan kestabilan kerana apabila setiap pelaku mengikuti nilai-nilai etika yang dikuatkuasakan, semua tindakan yang dilakukan dalam institusi adalah bertepatan dengan objektifnya, dengan itu prestasi dan kestabilan dapat dicapai.

Etika dapat didefinisikan sebagai kepercayaan diri individu sama ada mengenai tingkahlaku, tindakan atau keputusan betul atau salah. Konsep etika biasanya dikenal pasti sebagai cabang falsafah yang mengkaji apa yang membentuk kebaikan dan keburukan kelakuan manusia termasuk yang berkaitan dengan segala tindakan dan nilai (Ram, et.al., 2011). Pemakaian etika dalam setiap kehidupan amat dititikberatkan dalam Islam bagi mencapai keharmonian. Etika adalah prinsip-prinsip moral yang membezakan antara yang baik dengan yang tidak baik. Etika dalam Islam menekankan nilai-nilai moral yang berteraskan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah serta syariah Islam yang merupakan objektif yang paling utama pelaksanaannya. Nilai asas utama yang paling penting ditekankan oleh Islam adalah meyakini akan kewujudan Pencipta yakni Allah, kehidupan yang sementara di dunia, kebertanggungjawaban terhadap semua tindakan pada hari pembalasan, dan ganjaran oleh Allah mengikut motif sebenar bagi setiap tindakan manusia (Anas dan Mounira, 2009).

Tanggungjawab sosial syarikat (*corporate social responsibility, CSR*) juga merupakan nilai etika yang perlu dipenuhi bagi setiap entiti perniagaan kerana ia boleh membantu masyarakat dalam meningkatkan kepercayaan mereka. CSR didefinisikan sebagai aktiviti syarikat selain mendapatkan keuntungan seperti memelihara persekitaran, mengambil berat pekerja, beretika dalam perdagangan dan terlibat dalam masyarakat tempatan (Dusuki dan Abdullah, 2006). Dalam kewangan,

⁶ *Core set* dan *encourage set* telah mendapat pengesahan pada bulan Jun 2001 (IMF 2003).

etika dapat diertikan sebagai kajian peraturan dan prinsip etika dalam konteks kewangan di mana pelbagai masalah moral dan etika boleh timbul dalam persekitaran perdagangan; dan sebarang tugas khas atau tanggungjawab yang terpakai kepada manusia yang terlibat dalam perdagangan. Secara umumnya, etika perniagaan adalah disiplin normatif di mana piawaian etika tertentu dibentuk dan diaplikasikan dalam perniagaan serta mengambil kira kajian terhadap baik dan buruk perniagaan, betul dan salahnya serta keadilannya (Anas dan Mounira, 2009).

Kebelakangan ini, banyak kajian mengenai etika perniagaan dan tanggungjawab sosial sesebuah entiti telah dilakukan. Antaranya, kajian yang dibuat oleh Rice (1999) mengenai etika Islam dan kesannya kepada perniagaan. Menurutnya, pengurus sesebuah perniagaan perlu mengetahui maklumat mengenai etika-etika perniagaan yang terdapat dalam setiap negara. Tujuannya adalah untuk berkongsi etika perniagaan dari perspektif Islam dan menyediakan pengetahuan mengenai falsafah Islam bagi membantu pengurus menjalankan perniagaannya dalam budaya Islam. Kajian ini mengemukakan contoh etika yang digunakan di Mesir di mana telah berlaku perubahan dalam budayanya yang bermula dengan nilai Islam tetapi telah digantikan dengan nilai Barat. Kajian Tuma (1988) dalam artikel ini mendapati tiga ciri utama budaya Mesir yang dihayati bagi menangani masalah hidup di sana adalah tidak dapat membuat keputusan, bertangguh dan bersikap tidak ambil peduli. Ini menunjukkan kehidupan masyarakat di Mesir kurang stabil disebabkan nilai etika yang seharusnya diamalkan telah diabaikan sehingga membawa kesukaran dalam urusan semasa.

Seterusnya kajian yang dibuat oleh Dusuki dan Abdullah (2006) mengenai maqasid al-syariah, maslahah dan tanggungjawab sosial. Tujuan penulis membuat kajian ini adalah untuk memahami tanggungjawab sosial dari perspektif Islam, kesan maqasid syariah dan aplikasi maslahah terhadap tanggungjawab sosial syarikat (CSR). Berdasarkan teori Barat, CSR dilakukan bertujuan untuk mendapatkan imej yang baik, hubungan dengan orang awam, kelebihan persaingan dan lain-lain tanpa membahayakan kepentingan syarikat yang utama. Namun, teori Islam terhadap CSR adalah berpandukan kepada Quran dan Sunnah Nabi SAW di mana kedua-duanya menyediakan rangkakerja yang baik dalam interaksi manusia dengan manusia yang lain serta ia menjadi panduan terbaik bagi syarikat dalam menjalankan perniagaan dan tanggungjawab sosial secara serentak. Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta memberi kesan kepada CSR di mana ia membuatkan diri individu muslim itu lebih bertanggungjawab kepada Allah dan juga bertanggungjawab terhadap sumber yang telah diberikan oleh-Nya. Ini jelas menunjukkan bahawa dengan pelaksanaan CSR berdasarkan Syariah, sesebuah entiti itu tidak hanya berorientasikan keuntungan semata-mata tetapi berusaha meningkatkan kebijakan sosial dan memelihara keperluan masyarakat sepenuhnya.

Scholtens, B. (2006) dalam kajiannya, telah menyatakan bahawa wujud pelbagai hubungan secara tidak langsung antara pembangunan kewangan dan pembangunan mampan walaupun tiada hubungan langsung ditunjukkan. Ia diperolehi apabila kebanyakan kajian memberi tumpuan terhadap pemegang saham awam di mana perubahan yang dilakukan terhadap dasar korporat dan prestasi lebih menjurus ke arah kemampunan. Menurut penulis, tiga hubungan antara kewangan dengan pembangunan mampan atau tanggungjawab sosial korporat (CSR) adalah keluk persekitaran Kuznets (EKS), tanggungjawab pelaburan secara sosial dan pihak berkepentingan yang aktif. Pengkaji mendapati melalui pasaran stok awam (tanggungjawab pelaburan secara sosial, aktiviti pemegang saham) dan EKS

merupakan saluran utama di mana kewangan memberi kesan ke atas ekonomi. Industri kewangan menyedari beberapa masalah kemampuan dan pelbagai institusi cuba mengatasinya dengan cara menginovasikan proses, produk dan pasaran. Kelemahan kewangan memberi kesan secara tidak langsung kepada CSR di mana apabila sosial, etika dan persekitaran diambil kira, matlamat pengusaha akan menjadi dua iaitu mendapatkan pulangan yang baik dan ingin meningkatkan prestasi sosial, etika dan persekitaran firma. Namun, kebanyakan pengusaha mengabaikan nilai ini menyebabkan ia boleh mencatatkan rekabentuk kontrak dan hasil prestasi firma. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa selain tujuan membangunkan ekonomi, kewangan juga adalah pemandu tanggungjawab sosial korporat.

Bagi Haniffa, R. dan Hudaib, M. (2007), bank-bank Islam perlu mempunyai identiti etika kerana falsafah perniagaannya adalah terikat dengan agama Islam. Penulis mengkaji sama ada wujud percanggahan antara identiti etika bank melalui '*communicated*' iaitu penzahiran maklumat dalam laporan tahunan dengan identiti etika bank melalui '*ideal*' iaitu pendedahan maklumat yang dianggap penting berdasarkan rangka kerja etika perniagaan Islam, dan ukuran dibuat berdasarkan kepada Indeks Identiti Etika (EII). Terdapat lima ciri etika perbankan Islam yang membezakannya dengan perbankan konvensional yang harus dinyatakan dalam laporan tahunannya iaitu berkaitan falsafah yang mendasarinya dan nilai-nilai yang wujud dalam perbankan Islam, peruntukan produk dan perkhidmatan yang bebas riba, urusniaga yang terhad yang diterima Islam, penumpuan kepada matlamat pembangunan dan sosial, dan kajian semula oleh Lembaga Penyeliaan Syariah. Dalam setiap ciri-ciri tersebut, terdapat indikator yang perlu disampaikan dalam laporan tahunan bagi menunjukkan bahawa bank-bank Islam benar-benar berbeza dengan perbankan konvensional seperti indikator zakat, qard-hassan dan sedekah yang mencerminkan bahawa perbankan Islam mengambil kira keadilan sosial. Hasil kajian mendapati terdapat ketidaksesuaian yang besar antara identiti etika *communicated* dan *ideal* bagi enam buah bank Islam di rantau Teluk Arab berdasarkan empat dimensi iaitu komitmen kepada masyarakat, visi dan misi perbankan Islam, sumbangan dan pengurusan zakat, qard-hassan dan sedekah (Aribi dan Gao, 2010, Hasan, et al., 2012), dan maklumat tentang pengurusan atasan. Dapatkan kajian ini memberi implikasi yang besar kepada pengurus perbankan Islam seluruh negara yang terdapat permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan dan produk perbankan Islam.

Menurut kajian Farook, S. (2008), institusi kewangan Islam perlu mempunyai tanggungjawab sosial disebabkan dua alasan yang sangat berkaitan iaitu ia memenuhi tuntutan fardu kifayah bagi orang Islam, oleh itu mereka berada dalam posisi untuk memenuhi skop tanggungjawab yang besar yang tidak boleh dipenuhi oleh orang Islam secara individu; kedua, mereka merupakan contoh teladan dalam masyarakat sebagai sebuah institusi kewangan. Terdapat tiga asas tanggungjawab sosial Islam iaitu manusia sebagai khalifah, kebertanggungjawaban dan menyuruh kepada kebaikan dan milarang kejahatan. Disebabkan ketidakmampuan individu untuk mengelakkan penggalakan dan sistem berdasarkan riba yang berleluasa, institusi kewangan Islam ditubuhkan untuk masyarakat Islam. Terdapat beberapa bentuk penjelasan yang diwajibkan dan disarankan oleh tanggungjawab sosial Islam iaitu kewajiban sebagai menjadi institusi kewangan untuk mengelakkan riba, tidak terlibat dalam pelaburan yang terlarang, tidak menerima pendapatan dari sumber yang haram, berurusniaga dengan pelanggan mengikut landasan Islam, menjaga kebajikan pekerja, membayar zakat, menggalakkan aktiviti qard hasan, menjalankan aktiviti kebajikan dan mendedahkan kebertanggungjawabnya. Oleh yang demikian, perbankan Islam

perlu mempunyai nilai-nilai etika sebagai memenuhi tanggungjawabnya sebagai perbankan Islam dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan Islam dan kebajikan supaya orang ramai lebih yakin dan tertarik dengan institusi perbankan Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Terdapat banyak kajian yang dilakukan mengenai kestabilan perbankan Islam di seluruh negara dengan menggunakan petunjuk-petunjuk kewangan tertentu antaranya kajian yang dilakukan oleh Cihak, M. dan Hesse, H. (2008) yang mengkaji kestabilan di antara perbankan Islam dan konvensional dengan menggunakan pembolehubah z-score, kajian Shahid, M. A. dan Abbas, Z. (2012) yang mengkaji mengenai kestabilan perbankan Islam di Pakistan menggunakan pembolehubah makroekonomi dan beberapa pembolehubah khusus industri, bank dan negara, dan kajian kestabilan perbandingan perbankan Islam dengan perbankan konvensional oleh Beck, T., Demirguc-Kunt, A. dan Merrouche, O. (2010) yang turut menggunakan ukuran z-score bagi mengukur kestabilan bank serta kajian Marston, D. dan Sundararajan, V. (2005) yang melihat fungsi perbankan Islam terhadap pembinaan elemen-elemen utama infrastruktur kewangan untuk kestabilannya dengan menggunakan Petunjuk KestabilanKewangan (FSIs) yang dikeluarkan oleh IMF.

Oleh itu, kajian ini turut menggunakan Petunjuk Kestabilan Kewangan (FSIs) yang dikeluarkan oleh IMF pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, petunjuk kestabilan ini tidak bersesuaian bagi mengkaji kestabilan dalam perbankan Islam kerana ia dikeluarkan bagi mengukur kestabilan sistem kewangan konvensional. Oleh itu, indikator kestabilan kewangan ini akan diubah suai mengikut kesesuaian perbankan Islam. Beberapa aspek nilai etika iaitu zakat, *qard hasan* dan muhibbah (*goodwill*) turut dimasukkan ke dalam petunjuk ini. Kajian ini akan menganalisis kestabilan bagi 17 buah bank Islam di Malaysia dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2006-2010. Daripada petunjuk kestabilan kewangan (FSIs) tersebut, beberapa indikator akan digunakan iaitu indikator pengguna deposit yang terdapat dalam ‘core set’ dan ‘encourage set’. Ini kerana, ia merupakan petunjuk kestabilan kewangan yang terdapat dalam bank. Manakala selain daripada petunjuk pengguna deposit, ia merupakan petunjuk-petunjuk makroekonomi (IMF, 2006).

Petunjuk Kestabilan Kewangan (FSIs) digunakan bagi memantau pembangunan kedudukan dan aliran yang boleh menunjukkan peningkatan kelemahan sektor kewangan dan boleh membantu menilai potensi ketahanan sektor terhadap keadaan negatif (IMF, 2006) selain menunjukkan kekuahan dan kestabilan dalam sistem kewangan. FSIs dipilih sebagai metod yang digunakan kerana ia merupakan petunjuk yang menyediakan gambaran yg luas mengenai keadaan ekonomi dan kewangan dan ia juga berpotensi melengkapkan penggunaan sistem amaran awal dan menyumbang kepada pencegahan krisis (IMF, 2006). Definisi petunjuk kewangan yang digunakan serta penerangannya diterangkan dalam Jadual 1. Bagi petunjuk nilai etika iaitu zakat dan *qard hasan*, kedua-dua petunjuk ini digunakan kerana ia merupakan tanggungjawab sosial yang sangat berkait dengan pembangunan ekonomi dan kedua-duanya didedahkan dalam penyata kewangan perbankan Islam. Definisi petunjuk dan penerangannya diterangkan dalam Jadual 2.

Bagi melihat kestabilan perbankan Islam, sebanyak lima selang kelas telah digunakan bagi setiap petunjuk kestabilan kewangan. Selang kelas yang paling baik ditandakan dengan warna hijau, kedua terbaik dengan warna hijau muda, pertengahan ditandakan dengan warna kuning, kurang stabil ditandakan dengan warna jingga dan tidak stabil ditandakan dengan warna merah. Jadual selang kelas ini boleh dirujuk dalam Jadual 3. Pengiraan dalam petunjuk kestabilan kewangan adalah seperti berikut:

$$(1) \quad \bar{x} = \frac{\sum x}{N}$$

$$(2) \quad \sigma = \sqrt{\frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N}}$$

$$(3) \quad \bar{x} + \sigma = x$$

Hasil daripada pengiraan tersebut akan ditentukan mengikut selang kelas yang telah dibina. Berdasarkan metod yang digunakan, datadianalisis dan hasilnya ditunjukkan dalam bahagian empat.

HASIL KAJIAN

Terdapat beberapa pembolehubah petunjuk kestabilan kewangan (FSIs) dan nilai etika telah digunakan dalam kajian. Perbandingan terhadap hasil kajian telah dibuat iaitu dengan membandingkan setiap pembolehubah dengan setiap perbankan Islam berdasarkan tiga tahun yang berbeza bermula tahun 2006, 2008 dan 2010. Berdasarkan jadual 4, pada tahun 2006 Bank Kuwait menunjukkan jumlah modal yang kukuh berbanding bank-bank yang lain. Diikuti pula dengan bank Al-Rajhi dan Bank Islam Malaysia Berhad yang mempunyai jumlah modal yang kurang kukuh. Bank-bank Islam yang lain memperlihatkan jumlah modal yang tidak kukuh dan boleh mengalami kejutan dalam kunci kira-kiranya apabila krisis berlaku. Tahun 2008 memperlihatkan kedudukan modal Asian Finance dilihat paling kukuh. kedudukan modal yang sederhana stabil terdapat dalam Bank Islam Alliance manakala bank-bank lain mempunyai modal yang tidak kukuh pada tahun tersebut. Seterusnya pada tahun 2010 selepas krisis subprime mortgage, kekuahan modal masih lagi dipelopori oleh Asian Finance, manakala Citibank dan Maybank Islamic mempunyai modal yang kurang kukuh. Namun, modal perbankan Islam yang lain dilihat berada di tahap tidak stabil. Perbezaan ketara antara Kuwait dan Asian Finance dengan bank-bank lain adalah disebabkan modal yang besar dari negara luar telah dibawa masuk untuk menjalankan operasinya di Malaysia.

Seterusnya, bagi pembolehubah modal tier 1 kepada jumlah aset risiko berwajaran dalam jadual 5 didapati modal tier 1 Kuwait adalah paling tinggi pada tahun 2006, manakala pada tahun 2008 dan 2010, modal tier 1 paling stabil adalah Asian Finance. Bank Al-Rajhi pada tahun 2006 serta Alliance pada tahun 2008 dilihat mempunyai modal yang stabil namun jika tidak ditingkatkan, ia boleh menjatuhkan modal tersebut kepada kurang stabil atau tidak stabil. Modal tier 1BIMB pada tahun 2006 dilihat masih kurang stabil, begitu juga dengan modal di Citibank, Maybank Islamic dan OCBC Al-Amin pada tahun 2010. Perbankan Islam yang lain dilihat

mempunyai modal tier 1 yang rendah dan tidak stabil. Ini menunjukkan ketidakmampuan perbankan Islam yang lain untuk bersaing dengan bank Islam asing seperti Asian Finance.

Bagi melihat kapasiti modal bank petunjuk jumlah bersih pembiayaan tidak berbayar (NPF) kepada jumlah modal diukur. Hasil kajian mendapati dua tahun berturut-turut iaitu 2006 dan 2008, BIMB mempunyai kapasiti modal yang kecil sehingga tidak dapat menampung jumlah bersih pembiayaan tidak berbayarnya manakala pada tahun 2010, bank Kuwait menghadapi masalah yang sama seperti BIMB seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6. CIMB Islamic pula dilihat berada pada tahap stabil berbanding dengan perbankan Islam yang lain yang dilihat sangat stabil kapasitinya dan dapat menampung jumlah NPF bersih. Pada tahun 2008, selain BIMB kapasiti modal perbankan Islam lain dilihat stabil. Begitu juga pada tahun 2010. Namun, Affin Islamic dilihat kurang stabil dari segi kapasitinya pada tahun tersebut, menunjukkan ia jumlah bersih NPF lebih besar berbanding modal.

Kajian seterusnya melihat kepada pulangan atas aset bagi setiap bank Islam. Berdasarkan jadual 7, hasil kajian mendapati pulangan atas aset Al-Rajhi lebih tinggi berbanding perbankan Islam yang lain. Ia diikuti dengan Public Islamic yang mendapati pulangan atas asetnya sederhana yang perlu ditingkatkan lagi. Berlaku peningkatan pada tahun 2010 di mana Al-Rajhi, Asian Finance dan Citibank mendapat pulangan yang tinggi ke atas asetnya. Begitu juga bank-bank Islam lain yang turut meningkat pulangannya kepada yang lebih baik. Namun, sebaliknya berlaku kepada Public Islamic yang mengalami penurunan terhadap pada tahun tersebut. Asian Finance semakin kukuh pulangannya pada tahun 2010 bersama dengan Kuwait. Namun, pulangan atas aset bagi Al-Rajhi menurun sehingga tahap kurang stabil. Behitu juga dengan Citibank. Hasil kajian menunjukkan hanya bank-bank Islam asing mempunyai kecekapan yang tinggi berbanding bank milik tempatan berdasarkan ROA bank masing-masing.

Selanjutnya, kajian terhadap petunjuk kewangan pulangan atas ekuiti (ROE). Berdasarkan jadual 8, didapati tahun 2006 mencatatkan hanya BIMB mempunyai ROE yang paling tinggi berbanding perbankan lain. Ini kerana, keuntungan sebelum cukai dan zakat dalam BIMB sangat tinggi dan modal yang dimiliki pula adalah rendah berbanding bank-bank lain. Namun, ia mengalami kemerosotan pada tahun 2008 dan tahun 2010 menunjukkan ROE bagi BIMB kurang stabil. Bagi perbankan Islam yang lain, berlaku peningkatan dalam ROE iaitu di Al-Rajhi (2008), Ambank Islamic, Asian Finance, CIMB Islamic dan Kuwait (2010). Ini menunjukkan perbankan Islam tersebut cekap dalam menggunakan modal mereka.

Bagi hasil kajian berdasarkan petunjuk zakat, jadual 9 boleh dirujuk. Didapati pada tahun 2006, sebahagian besar perbankan Islam tidak membayar zakat atau tidak mendedahkan nilai zakat yang dibayar. Jika dibandingkan antara 17 buah bank Islam tersebut, didapati BIMB membayar zakat yang lebih tinggi bagi ketiga-tiga tahun dan ini menunjukkan BIMB amat mementingkan nilai etika serta tanggungjawab sosial bagi menyalurkan dana tersebut kepada pihak zakat. Maybank Islamic juga meningkatkan jumlah pembayaran zakat pada tahun 2008 namun ia kembali menurun pada kadar yang sederhana pada tahun 2010. Boleh dikatakan juga zakat yang dibayar adalah berdasarkan kepada nilai keuntungan yang diperolehi perbankan Islam.

Berdasarkan pembiayaan qard hasan yang ditunjukkan dalam jadual 10, hanya sebahagian bank sahaja yang menawarkan instrumen tersebut bagi mengelakkan risiko yang besar. Pada tahun 2006, hanya 6 buah bank Islam sahaja menawarkan

instrumen tersebut di mana Public Islamic lebih banyak menawarkan pembiayaan ini berbanding 5 bank yang lain. Seterusnya pada tahun 2008, pembiayaan ini meningkat kepada 7 buah bank Islam namun Public Islamic tidak menawarkan pembiayaan ini. Berdasarkan kajian, Asian Finance memberikan pembiayaan secara qard hasan lebih tinggi berbanding secara berturut-turut pada tahun 2008 dan 2010 berbanding bank-bank Islam yang lain. Ini membuktikan, pembiayaan secara qard hasan merupakan risiko paling besar kerana ia pinjaman wang semata-mata yang tidak boleh dikenakan caj kerana akan menyebabkan pengambilan riba. Namun, pengaplikasian instrumen ini dalam beberapa buah bank Islam mencerminkan bank tersebut mempunyai nilai etika yang tinggi kerana sanggup menghadapi risiko yang besar dalam institusi mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis kestabilan perbankan Islam dengan menggunakan beberapa Petunjuk Kestabilan Kewangan (FSIs) yang diperkenalkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan telah diubah suai mengikut ciri-ciri perbankan Islam yang tidak mengamalkan kadar faedah serta melihat kestabilan melalui nilai-nilai etika yang telah dinyatakan dalam Islam. Kestabilan institusi kewangan mula dikaji setelah berlakunya krisis-krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia terutama krisis kewangan kerana kewangan amat berkait rapat dengan ekonomi negara. Berdasarkan kajian ini, didapati perbankan Islam di Malaysia secara keseluruhannya dilihat belum mencapai tahap kestabilan yang tinggi untuk bersaing dengan perbankan konvensional. Namun, perkembangannya dalam dunia global amat memberansangkan. Nilai etika seperti menjalankan pembiayaan tanpa melibatkan kadar faedah dan zakat juga menyumbang kepada kestabilan perbankan Islam di mana ia meningkatkan bilangan individu untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan di perbankan Islam seterusnya ia akan mengerakkan ekonomi negara.

RUJUKAN

- Ab. Ghani, A. M. (1999). Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Anas, E. & Mounira, B. A. (2009). Ethical Investment and the Social Responsibilities of the Islamic Banks. *International Business Research*, 2(2), 123-130.
- Beck, T., Demirguc-Kunt, A. & Levine, R. (1999). "A New Database on Financial Development and Structure." Diambil dari <http://elibrary.worldbank.org/docserver/download/2146.pdf?Expires=1335502004&id=id&accname=guest&checksum=6671022629B88E4A54C20EE1CB3173BC>

- Bhattacharyay, B. & Nerb, G. (2002). Leading Indicators for Monitoring The Stability of Asset and Financial Markets in Asia and The Pacific. *Asia-Pacific Development Journal* 9(2), 17-50.
- Bhattacharyay, B. (2003). Towards A Macro-Prudential Leading Indicators Framework For Monitoring Financial Vulnerability. *Cesifo Working Paper* No. 1015.
- Clement, P. (2010). The Term “Macroprudential”: Origins And Evolution. *BIS Quarterly Review*, 59-67.
- Davis, E. P. (1999). Financial Data Needs For Macroprudential Surveillance – What Are The Key Indicators Of Risks To Domestic Financial Stability. *Handbooks in Central Banking*, Lecture Series No. 2, Center for Central Banking Studies (London: Bank of England).
- Demirguc-Kunt, A. & Detragiache, E. (1999). The Determinants of Banking Crises in Developing and Developed Countries. *IMF Paper Staff* 45(1), 81-109.
- Dusuki, A. W. and Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shari'ah, Maslahah, and Corporate Social Responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 24(1), 25-45.
- Evans, O., Leone, A. M., Gill, M. & Hilbers, P. (2000). Macroprudential Indicator of Financial System Soundness. *IMF Occasional Paper* 192.
- Farook, S. (2008). Social Responsibility for Islamic Financial Institutions : Laying Down A Framework. *Journal of Economics Banking and Finance*, 61-82.
- Gersl, A. & Hermanek, J. (2007). Financial Stability Indicators: Advantages And Disadvantages Of Their Use In The Assessment Of Financial System Stability. In *CNB Financial Stability Report 2006*. Diambil dari http://www.cnb.cz/en/financial_stability/fs_reports/fsr_2006/FSR_2006_article_2.pdf
- Gonzalez-Hermosillo, B. (1999). Developing Indicators to Provide Early Warnings of Banking Crises. *Finance & Development* 36(2), 36-39.
- Haniffa, R. & Hudaib, M. (2007), Exploring the identity of Islamic banks via communication in annual reports. *Journal of Business Ethics* 76, 97-116.
- Hilbers, P., Krueger, R. & Moretti M. (1999). Macroprudential Indicators—Seminar Discusses Ways to Assess Soundness of Financial System to Improve Surveillance. *IMF Survey* 28(18), 296–97.
- Huang, H. & Wajid, S. K. (2002). Financial Stability in The World of Global Finance. *Finance & Development* 39(1).
- International Monetary Fund (2006). Financial Soundness Indicator: Compilation Guide. IMF.
- International Monetary Fund (2012). The Financial Sector Assessment Program (FSAP). *Factsheet* March 28. Diambil dari <http://www.imf.org/external/np/exr/facts/fsap.htm>
- Ismail, A. G. & Zaidi, M. A. S. (2002). CAEL Rating: A Stress Test in Bank Monitoring. *Gadjah Mada International Journal of Business* 4(3), 315-326.

- King, R. G. and Levine, R. (1993). Finance and Growth: Schumpeter might be “right”, *Quarterly Journal of Economics* 108, 717- 737 dalam Arellano, P. and Demetriades, P. (1997). Financial Development and Economic Growth: Assessing The Evidence. *The Economic Journal* 107, 783-799.
- Nuxoll, D. A., O’Keefe, J. & Samolyk, K. (2003). Do Local Economic Data Improve Off-Site Bank-Monitoring Models?. *FDIC Banking Review* 15(2), 39-53.
- Ram, N., Khoso, I., Jamali, M. B. & Shaikh, F. M. (2011). Ethical Issues In Private Commercial Banks In Pakistan. *Australian Journal of Business and Management Research* 1(7), 78-82.
- Rise, G. (1999). Islamic Ethics and The Implications for Business. *Journal of Business Ethics* 18, 345-358.
- Sholten, B. (2006). Finance as a Driver of Corporate Social Responsibility. *Journal of Business Ethics* 68, 19-33.
- Sundararajan, V., Enoch, C., Jose, A. S. et.al. (2002). Financial Soundness Indicator: Analytical Aspects and Country Practices. IMF Occasional Paper 212.
- Wolfson, M. H. (2002). Minsky’s Theory of Financial Crises in a Global Context. *Journal of Economic Issues* 36(2), 393- 400.

LAMPIRAN

JADUAL 1: Petunjuk Kestabilan Kewangan (FSIs)

Bil.	Nama Pembolehubah	Formula	Penerangan
1	Pengawalan modal kepada aset risiko berwajaran	$\frac{\text{Tier 1} + \text{Tier 2}}{\text{TRWA}}$	Modal bank meliputi tier 1 dan tier 2. Tier 1 terdiri daripada saham biasa dan pendapatan tertahan. Tier 2 adalah modal tambahan yang terdiri daripada rizab yang tidak didedahkan, rizab penilaian semula aset kepada aset tetap, peruntukan umum, instrumen hybrid dan hutang subordinated tidak bercagar. Ia mengukur kecukupan modal bagi pengguna deposit. Kecukupan modal dan ketersediaannya akan menentukan tahap kekuatan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan kepada kunci kira-kira penyata kewangan.
2	Pengawalan modal tier 1 kepada aset risiko berwajaran	$\frac{\text{Total Tier 1}}{\text{TRWA}}$	Jumlah tier 1 meliputi saham biasa dan pendapatan tertahan. Ia mengukur modal pengguna deposit berdasarkan konsep modal teras Jawatankuasa Basle. Ia merupakan asas bagi penilaian kecukupan modal bank dan kemampuan bank untuk bersaing.
3	Jumlah bersih pembiayaan tidak berbayar		Pembayaan tidak berbayar (NPF) adalah bayaran tertunggak pembiayaan yang melebihi tiga bulan iaitu 90 hari. Terdapat

	kepada modal	$\frac{\text{net NPF}}{\text{(tier 1+tier 2)}}$	tiga pengelasan bagi pembiayaan tidak berbayar iaitu a) penerimaan bank, bil pertukaran dan yang seumpamanya yang tidak dibayar satu bulan selepas tempoh matang, b) kad kredit yang tidak dibayar selama tiga bulan dan c) pembiayaan berjangka, kemudahan kredit, pajakan, sewaan dan pembiayaan lain yang tidak dibayar selama 6 bulan atau lebih bermula hari pertama kemungkiran berlaku. Jumlah bersih NPF diperolehi apabila NPF tolak nilai spesifik peruntukan pembiayaan. Modal diukur berdasarkan jumlah modal yang diperolehi daripada campuran tier 1 dan tier 2. Petunjuk ini adalah nisbah kecukupan modal dan ia penting bagi kapasiti modal bank untuk mengelakkan kerugian daripada NPF.
4	Pulangan atas aset (ROA)	$\frac{\text{Profit before tax}}{\text{total assets}}$	Keuntungan sebelum cukai adalah keuntungan yang diperolehi daripada pendapatan yang terhasil selepas ditolak pendapatan yang diagihkan kepada pendeposit dan sebelum cukai serta zakat ditolak. Jumlah aset merupakan keseluruhan aset-aset kewangan dan bukan kewangan yang terdapat dalam bank. Ia merupakan petunjuk keuntungan bank dengan mengukur kecekapan pengguna deposit dalam menggunakan aset mereka.
5	Pulangan atas ekuiti (ROE)	$\frac{\text{Profit before tax}}{\text{Tier 1}}$	Seperti penerangan sebelum ini, keuntungan sebelum cukai adalah keuntungan yang diperolehi selepas menolak pendapatan yang diagihkan kepada pendeposit dan sebelum cukai serta zakat ditolak. Ia dibagaikan dengan modal ekuiti tier 1 yang merupakan modal teras institusi kewangan. Ia merupakan petunjuk keuntungan bank dan bertujuan mengukur kecekapan pengguna deposit bank dalam menggunakan modal mereka.

JADUAL 2 : Petunjuk nilai etika


Bil	Nama pembolehubah	Formula	Penerangan
1.	Zakat	tiada	Ia merupakan petunjuk yang mengukur tanggungjawab sosial bank Islam terhadap masyarakat melalui pembayaran zakat yang wajib dilaksanakan.

2.	Qard hasan	tiada	Ia merupakan petunjuk yang mengukur sesebuah bank sama ada menjalankan aktiviti pinjaman tanpa mengenakan tambahan.
----	------------	-------	---


JADUAL3:Petunjuk kestabilan

Petunjuk	Huraian
Merah	Tidak stabil
Kuning	Kurang stabil
Yellow-green	Sederhana
Green	Lebih stabil
Dark green	Sangat stabil

JADUAL 4 : Modal kepada jumlah aset risiko berwajaran



JADUAL 5: Modal Tier kepada jumlah aset risiko berwajaran



JADUAL 6: Pembiayaan Tidak Berbayar bersih kepada jumlah modal

Nama Bank	(NPF Bersih/Modal)		
	2006	2008	2010
Affin Islamic			
Alliance	Green	Green	Green
Al-Rajhi	N/A	Yellow	Yellow
AM Islamic	Green	Green	Green
Asian Finance	N/A	Yellow	Yellow
BIMB	Red	Red	Red
BMMB	Green	Yellow	Yellow
CIMB	Yellow	Green	Green
Citibank	Green	Green	Green
HLiB	Green	Green	Yellow
HSBC	Green	Yellow	Yellow
Kuwait	N/A	Red	Red
Maybank		Green	Green
OCBC		Yellow	Yellow
Public Islamic		Green	Green
RHB			N/A
Standard		Yellow	



JADUAL 7: Pulangan atas aset

Nama Bank	ROA		
	2006	2008	2010
Affin Islamic	Red (approx. 40%)	Yellow (approx. 10%), Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Yellow (approx. 10%), Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Alliance	Red (approx. 40%)	Yellow (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Yellow (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Al-Rajhi	Red (approx. 40%)	Yellow (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Yellow (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
AM Islamic	Red (approx. 40%)	Yellow (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Yellow (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Asian Finance	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
BIMB	Red (approx. 40%)	Orange (approx. 10%), Yellow (approx. 10%)	Orange (approx. 10%), Yellow (approx. 10%)
BMMB	Red (approx. 40%)	Orange (approx. 10%), Yellow (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%), Yellow (approx. 10%)
CIMB	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
Citibank	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
HLiB	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
HSBC	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
Kuwait	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
Maybank	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
OCBC	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
Public Islamic	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
RHB	Red (approx. 40%)	Orange (approx. 10%), Yellow (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)
Standard Chartered	Red (approx. 40%)	Orange (approx. 10%), Yellow (approx. 10%)	Red (approx. 20%), Orange (approx. 10%)

JADUAL 8: Pulangan atas ekuiti (ROE)

Nama Bank	ROE		
	2006	2008	2010
Affin Islamic	Red (approx. 40%)	Yellow (approx. 10%), Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Yellow (approx. 10%), Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Alliance	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Al-Rajhi	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
AM Islamic	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Asian Finance	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
BIMB	Red (approx. 40%)	Green (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
BMMB	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
CIMB	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Citibank	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
HLiB	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
HSBC	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Kuwait	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Maybank	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
OCBC	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
Public Islamic	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)
RHB	Red (approx. 40%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)	Red (approx. 10%), Orange (approx. 10%)

Standard Chartered			
--------------------	--	--	--

JADUAL 9: Zakat

Nama Bank	Zakat		
	2006	2008	2010
Affin Islamic			
Alliance	N/A		
Al-Rajhi	N/A		
AM Islamic	N/A		
Asian Finance	N/A		
BIMB			
BMMB			
CIMB			N/A
Citibank	N/A		N/A
HLiB			
HSBC	N/A		
Kuwait			
Maybank			
OCBC			
Public Islamic	N/A		
RHB		N/A	N/A
Standard Chartered	N/A	N/A	N/A

JADUAL 10: Pembiayaan Qard Hasan

Nama Bank	Qard Hasan		
	2006	2008	2010
Affin Islamic	N/A	N/A	N/A
Alliance			
Al-Rajhi			
AM Islamic	N/A	N/A	N/A
Asian Finance	N/A		
BIMB	N/A		
BMMB			
CIMB	N/A		
Citibank	N/A		
HLiB	N/A		
HSBC	N/A		
Kuwait			
Maybank	N/A	N/A	N/A
OCBC			
Public Islamic		N/A	N/A
RHB	N/A	N/A	N/A

Standard Chartered	N/A	N/A	N/A
-----------------------	-----	-----	-----
